HAGIAN 68 bekas pelajar SMKSS bergambar pada program perjumpaan semula di Duyong
na & Resort, Pulau Duyong, Kuala Terengganu baru-baru ini.

Centre, Shah Alam, Selangor

"Kita berasa gembira

Kalam.

# 40 pelajar UKM sertai Program Bakti Siswa

**BAKTI SISWA.** Seramai 40 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyertai Program Bakti Siswa di Kampung Peket 60, Simpang Lima, Sabak Bernam, Selangor baru-baru ini.

Program tiga hari dua malam itu membolehkan pelajar berkenaan mendekati masyarakat luar bandar selain mengasah bakat kepimpinan mereka melalui khidmat sukarelawan.

Majlis penutupan majlis itu telah disempurnakan Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd. Zohdi.

Budiman berkata, program bakti siswa tersebut akan dijadikan sebagai aktiviti bulanan dengan menjadikan beberapa buah kampung di kawasan Parlimen Sungai Besar sebagai kampung angkat.



BUDIMAN (duduk, lima dari kiri) bergambar bersama pelajar UKM selepas majlis penutup Program Bakti Siswa di Kampung Peket 60, Simpang Lima, Sabak Bernam baru-baru ini.